

RMK-9 misi strategik negara

PH - 31/3/2008

Perancangan 15 bulan rangka program hadapi cabaran baru, persaingan ekonomi

Oleh Kalimullah Hassan

RANCANGAN Malaysia Ke-sembilan (RMK-9) yang dibentangkan di Parlimen hari ini diperinci setebal 559 halaman – lebih nipis berbanding sebelumnya – dan dipersembahkan dalam cara berbeza berbanding format terdahulu yang bermula sejak Malaysia merdeka.

Masa banyak berubah dan cabaran dunia hari ini juga berlainan. Ada sektor baru memerlukan perhatian dan penyusunan strategi terkini bagi memastikan ia mencapai kejayaan.

Dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bertindak selaku ketua arkitek dan penyelarasnya, RMK-9 mengambil masa lebih setahun untuk disiapkan.

Sejak mula, kerangka asas perancangan itu diperkemas Abdullah menerusi perbincangan berterusan dengan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan menteri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal ekonomi, Datuk Mustapa Mohamed sebelum diganti Datuk Seri Effendi Norwawi.

Perbincangan turut dilakukan dengan pemimpin masyarakat, di sam-

ping sesi sumbang saran bersama pemimpin politik.

Matlamatnya ialah mewujudkan pengagihan saksama tanpa mengira kaum atau agama, merapatkan jurang antara penduduk bandar dan luar bandar menerusi pembukaan pusat pembangunan baru, peningkatan dan pengembangan modal insan bagi menangani cabaran terkini serta meneruskan dasar sedia ada di samping mencipta ruang inovatif.

Apa yang mahu dicapai? Negara lebih makmur, membangun dan dinamik yang mampu meningkatkan kehidupan rakyat; negara yang penduduknya bersatu dalam suasana harmoni walaupun belum bebas sepenuhnya daripada isu polarisasi kaum.

Mereka sepakat mengakui bahawa itulah tunjang mewujudkan kesinambungan dan kemajuan negara dalam menghadapi cabaran baru, di samping berdepan persaingan kuasa ekonomi baru, dari China dan India, daripada globalisasi serta kemajuan teknologi.

Bagaimana semua itu boleh dicapai bersandarkan matlamat utama menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020 menerusi wawasan cetusan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad?

Peranan utama digerakkan oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU) yang mengumpul pelbagai perangkaan dan mengetengahkan cadangan.

Bagaimanapun, RMK-9 terlalu penting dan pandangan semua pihak mesti diambil kira. Sejak tahun lalu, Abdullah menemui pemimpin politik dan masyarakat, ahli akademik, kakitangan awam, kumpulan pemikir, kesatuan sekerja, badan bukan kerajaan (NGO), kumpulan agama, cendekiawan dan pemikir dari dalam serta luar negara, selain perancang ekonomi.

Kesungguhan Perdana Menteri jelas meluap-luap, seperti juga keprihatinannya bahawa ini adalah detik penentu bagi Malaysia kerana tanpa perancangan strategik, generasi mendatang akan menjadi mangsa yang terpaksa memikul bebannya.

Abdullah menggelar tanggungjawab itu sebagai 'Misi Nasional' bagi menggambarkan kepentingannya. Semua lawatan ke luar negara sejak awal tahun ini dibatalkan manakala tugas dalam negara dikurangkan.

Lebih banyak masa diperuntukkan bagi meneliti butiran perancangan bersama jemaah menteri dan pegawai kanan. Angka disemak beberapa kali, idea dan pandangan diberi ber-

terusan. Cadangan bernas dipilih bagi diterapkan sebelum semuanya disatukan.

Semua pandangan dipertimbangkan dan disampaikan kepada EPU, dengan sebahagian besar membentuk 559 halaman itu. Semua pihak mempunyai bahagian dan pemilikan dalam RMK-9, sekali gus benar-benar menjadikan sebuah 'Misi Nasional'.

Dalam menzahirkan perancangan itu, pentadbiran Abdullah terpaksa membuat beberapa keputusan sukar sepanjang tiga bulan terakhir ini termasuk menaikkan harga minyak walaupun menyedari ia bukan tindakan popular kerana tidak pernah digemari sesiapa.

Rasionalisasi sektor penerbangan domestik dilaksanakan bagi memastikan Penerbangan Malaysia (MAS) dan AirAsia mampu terus bersaing dengan syarikat serantau dan antarabangsa.

Selain itu, Dasar Automotif Negara (DAN) turut dirangka bagi menggerakkan industri automotif tempatan dengan matlamat mengakhiri pergantungan terhadap permit import (AP) – keistimewaan yang dianggap sesetengah pihak sebagai akan wujud selama-lamanya.

Mesej jelasnya ialah Malaysia tidak boleh terus bergantung kepada subsidi kerana ia akan menjadikan kita kurang berdaya saing, selain mengambil dana yang boleh digunakan untuk membina lebih banyak sekolah, infrastruktur dan hospital yang boleh membawa negara melangkah ke depan demi manfaat semua.

Perlu disedari juga, kecekapan adalah kunci untuk bersaing dan menghadapi pelbagai cabaran baru. Oleh itu, pemikiran mesti dianjak ke kelas pertama jika mahu melihat Malaysia menjadi negara kelas pertama.

Justeru, apabila kekayaan negara diagih seadilnya dan wujud pertumbuhan ekonomi sama rata di semua negeri merentasi sempadan geografi, hakikat itu menjadi faktor utama mengukuhkan perpaduan dan keharmonian di kalangan masyarakat berbilang kaum serta agama.

RMK-9 terbentuk hasil perancangan mantap selama 15 bulan tetapi jika semua matlamatnya dicapai dan sekiranya semua pelaksana tidak memberi ruang kepada kemalasan menjadi penghalang, maka memang bermakna setiap detik yang dihabiskan semua pihak terbabit sepanjang 15 bulan itu.